

14 JUN 2002

Mahathir-DAP/I

DAP KETANDUSAN IDEA, KATA DR MAHATHIR

SUBANG, 14 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cubaan DAP untuk menolak Malaysia sebagai negara Islam menunjukkan parti pembangkang itu ketandusan idea.

DAP, katanya sanggup berbuat apa sahaja hanya untuk memenangi satu undi.

"Walaupun untuk satu undi, DAP sanggup bersekongkol dengan pelbagai jenis orang. Apa yang penting bagi mereka, walaupun untuk satu undi, mereka sanggup tidur dengan sesiapa pun," katanya kepada pemberita di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini, selepas pulang daripada lawatan seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg.

Dr Mahathir berkata tidak ada sebab bagi DAP untuk membangkitkan lagi perkara itu kerana banyak negara dunia mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam.

Perdana Menteri diminta mengulas kempen DAP untuk menolak pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam hingga membawa kepada penahanan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, kerana didakwa mengedarkan risalah berunsur hasutan di pasar Pasir Pinji di Ipoh pada 5 Jun.

Lim, yang kemudian dibebaskan dengan ikat jamin, berkata kempen DAP itu bertujuan membangkitkan kesedaran umum mengenai implikasi kenyataan Dr Mahathir pada 29 Sept tahun lepas bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam.

Dr Mahathir berkata DAP harus menunjukkan kepada kerajaan bagaimana ia terjejas akibat daripada Malaysia diisytiharkan sebagai negara Islam.

"Walaupun kita adalah negara Islam, kita bersikap liberal," kata beliau.

Perdana Menteri berkata banyak negara di Eropah telah diisytiharkan sebagai negara Kristian tetapi ia tidak liberal seperti Malaysia.

-- BERNAMA

AT MAM JK NAK